

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

AAP403 - Perniagaan, Kerajaan dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. Bincangkan konsep tanggungjawab sosial perniagaan dan kepentingannya di dalam konteks masa kini. Nyatakan juga perbezaan di antara "kewajipan sosial" (social obligation) "tanggungjawab sosial" (social responsibility), dan "tindak-balas sosial" (social responsiveness).

[20 markah]

2. Kod etika Syarikat SEMARAK jelas menerangkan bahawa setiap pekerja tidak menyenaraikan di dalam baucer perjalanan mereka "bayaran bagi makanan yang tidak dimakan, pengangkutan yang tidak digunakan, penginapan yang tidak dipenuhi atau perkhidmatan yang tidak diterima". Bagaimanapun, syarikat tersebut menggunakan "kadar kerajaan" (yang biasanya tidak tinggi) bagi perjalanan dan perbelanjaan harian serta mengharapkan pekerja-pekerja teknikal dan perkhidmatan tinggal di hotel-hotel yang bermutu, makan di restoran yang baik dan "memberi gambaran baik" kepada pelanggan.

...2/-

AAP 403

Setiap pekerja dikehendaki mengemukakan resit bagi setiap perbelanjaan. Jabatan Bendahari lazimnya tidak akan membenarkan tuntutan-tuntutan yang melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Walaupun mereka boleh mempertahankan jumlah tuntutan itu, alasan mereka tidak pernah diterima. Semua pekerja teknikal dan personel telah merungut bahawa kos perjalanan yang mereka alami lebih tinggi dari kadar tuntutan maksimum yang dibenarkan, padahal perjalanan itu adalah merupakan sebahagian daripada tugas harian mereka.

Hassan yang mempunyai saiz keluarga yang sedang meningkat dan mengalami kesukaran untuk menemui keperluan keluarga (dan kadangkala gagal) telah menggunakan beberapa cara kreatif bagi menipu laporan perbelanjaannya dengan menggunakan resit-resit palsu. Perkara-perkara ini tidak menghasilkan sebarang keuntungan kepadanya, tetapi membolehkannya "hampir" meliputi kos perjalanannya (about break even).

Soalan:

- (a) Bagaimanakah anda menilai tingkahlaku/perbuatan Hassan?
- (b) Bagaimanakah persepsi anda ke atas polisi/peraturan syarikat mengenai kes tuntutan perbelanjaan.
- (c) Andaikan anda menjadi Hassan, apakah tindakan anda di dalam situasi yang sama?

[20 markah]

3. Terangkan pendekatan-pendekatan "Utilitarian", Hak-hak (rights) dan Keadilan (justice) di dalam prinsip-prinsip etika (ethical reasonings).

Yang mana satukah menjadi prinsip etika yang paling penting bagi diri anda? Prinsip yang manakah anda percaya paling kerap digunakan dalam membuat keputusan berkaitan dengan perniagaan?

[20 markah]

...3/-

4. Anda adalah Ketua Pegawai Eksekutif bagi sebuah syarikat di mana akhir-akhir ini mengalami beberapa masalah etika yang melibatkan pembayaran rasuah jenis "kickbacks" daripada kontraktor kepada kakitangan syarikat yang bekerja di Jabatan Pembelian. Terdapat juga bayaran yang menjadi persoalan dan rasuah yang dibayar untuk mendapatkan kontrak yang menguntungkan daripada pelanggan-pelanggan luar negeri. Berlaku juga manipulasi harga saham syarikat oleh kakitangan dalam syarikat, untuk keuntungan mereka sendiri. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, anda mahu mengurangkan kejadian seperti ini dan kegiatan-kegiatan lain yang tidak beretika diulangi masa depan.

Nyatakan strategi am dan langkah-langkah yang akan anda gunakan untuk mempertingkatkan etika syarikat ini. Berikan contoh di mana perlu.

[20 markah]

5. "Pengurangan peraturan sosial (social regulations) dan pertambahan penggunaan pasaran bebas harus diberikan keutamaan, daripada pertambahan peraturan kerajaan ke atas perniagaan di dalam keadaan persekitaran yang dinamik.

Adakah anda bersetuju dengan kenyataan ini? Berikan alasan-alasan yang kukuh.

[20 markah]

6. Sekiranya satu kumpulan pencinta alam (environmentalist) mencadangkan kepada badan pentadbir yang mengendalikan pusat konvensyen milik bandar itu, supaya badan berkenaan menolak permohonan dari perniagaan-perniagaan yang mengancam persekitaran alam daripada menggunakan kemudahan pusat tersebut. Kumpulan pencinta alam telah menyenaraikan secara spesifik pengilang bahan kimia, firma automobil dan syarikat petroleum, khususnya mana-mana syarikat yang didapati bersalah di dalam membuang sisa-sisa yang membahaya secara haram. Anda adalah merupakan pengerusi bagi badan pentadbir pusat konvensyen dan juga menjawat-jawatan Naib-Presiden bagi kilang kimia tempatan yang mengeluarkan bahan-bahan kimia industri. Kedua-dua jawatan ini menekankan kewajipan dan tanggungjawab yang bertentangan. Bincangkan cara-cara anda mengatasi dilema ini tanpa meletakkan kedua-dua jawatan tersebut.

[20 markah]

...4/

AAP 403

7. Bincangkan cara-cara yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi sosial sesebuah firma perniagaan. Apakah corak pengukuran prestasi sosial firma perniagaan bagi masa depan?

[20 markah]

oooo000oooo